

# Gejala *Al-Sukhriyyah* Dalam Media Sosial: Analisis Menurut Perspektif Islam

## *Al-Sukhriyyah in Social Media: An Islamic Perspective*

Khairul Azhar Meerangani<sup>1</sup>, Mohammad Fahmi Abdul Hamid<sup>2</sup>, Ahmad Faqih Ibrahim<sup>3</sup>, Muhammad Hilmi Mat Johar<sup>4</sup>, Adam Badhrulhisham<sup>5</sup>

<sup>1,2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, Melaka, Malaysia;

<sup>3,4,5</sup> Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka, Melaka, Malaysia;

### Progres Artikel

Diterima: 01 Jun 2022

Disemak: 23 Julai 2022

Diterbit: 1 September 2022

### \*Perhubungan Penulis:

Khairul Azhar Meerangani,  
Akademi Pengajian Islam  
Kontemporari, Universiti  
Teknologi MARA Cawangan  
Melaka, Malaysia;

Email:

azharmeerangani@uitm.edu.my

**Abstrak:** Malaysia merupakan negara ke-9 yang mencatatkan penggunaan media sosial paling aktif di dunia iaitu hampir 80% daripada keseluruhan rakyatnya. Penggunaan secara meluas ini mendedahkan setiap individu kepada pelanggaran etika dan moral yang akhirnya boleh membawa kepada jenayah buli siber. Amalan *al-sukhriyyah* atau persendaan merupakan salah satu bentuk gejala buli siber yang semakin berleluasa. Perbuatan ini semakin menjadi budaya dalam kalangan netizen dengan menjadikan seseorang individu sebagai bahan sendaan dan gurauan bertujuan meraih perhatian dan keseronokan di media sosial. Oleh itu, pihak kerajaan telah memperkenalkan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bagi memantau kesalahankesalahan yang wujud di media sosial terutamanya membabitkan medium siber. Kajian ini bertujuan mengenalpasti bentuk-bentuk *al-sukhriyyah* yang wujud dalam media sosial masa kini serta menganalisis kedudukan perbuatan ini menurut perspektif hukum Islam. Kajian dijalankan secara kualitatif menggunakan kaedah kepustakaan dengan menganalisis teks-teks al-Quran dan Hadis serta perbincangan para sarjana Muslim berkaitan pengamalan *al-sukhriyyah*. Selain itu, kaedah analisis kandungan juga dilakukan terhadap beberapa media sosial bagi meneliti pengamalan *al-sukhriyyah* yang wujud pada masa kini. Perbuatan *al-sukhriyyah* meskipun mendatangkan keseronokan dan hiburan kepada para pelakunya namun merupakan perbuatan yang dilarang oleh Islam tanpa mengambil kira latar belakang mangsa. Pengguna media sosial perlu mengutamakan adab dan etika yang baik dalam komunikasi yang berlaku bagi mengekalkan keharmonian sesama mereka.

**Kata kunci:** *Al-Sukhriyyah*; Media Sosial; Buli Siber Komunikasi Digital; Hukum Islam

**Abstract:** Malaysia is the 9th country to record the most active users of social media globally, which is almost 80% of all its citizens. This widespread use exposes every individual to ethical and moral violations that can eventually lead to the crime of cyberbullying. The practice of *al-sukhriyyah* or ridicule is one of the symptoms of cyberbullying that is becoming more prevalent. This act is increasingly becoming a culture among netizens by making an individual the subject of jokes and jokes to gain attention and pleasure on social media. Therefore, the government has introduced the Communications and Multimedia Act 1998 to monitor offences on social media, especially involving cyber medium. This study aims to identify the forms of *al-sukhriyyah* that exist in social media today and analyze the position of this act according to the perspective of Islamic law. The study was conducted qualitatively using the library method by analyzing the texts of the Quran and Hadith as well as the debates of Muslim scholars related to the practice of *al-sukhriyyah*. In addition, the technique of content analysis is also done on some social media to examine the practice of *al-sukhriyyah* that exists today. The act of *al-sukhriyyah*, although it brings pleasure and entertainment to the perpetrators, is an act prohibited by Islam regardless of the victim's background. Therefore, social media users need to prioritize good manners and ethics in the communication that maintains harmony among them.

**Keywords:** *Al-Sukhriyyah*; Social Media; Digital Communication Cyberbullying; Islamic Law

## Pengenalan

Era globalisasi menyaksikan peningkatan kecanggihan teknologi masa kini terutamanya membabitkan medium siber. Komunikasi tanpa sempadan yang semakin menjadi trend menyaksikan pertambahan bilangan penggunaan teknologi ICT seperti komputer dan telefon bimbit. Meskipun kewujudan dunia tanpa batasan ini mampu memberikan impak yang positif, namun dalam masa yang sama wujud juga kesan negatif yang terhasil seperti gejala buli siber. Menurut Che Hasniza et al. (2014), kemunculan gejala buli siber ini selari dengan perkembangan teknologi komunikasi pada hari ini. Ketagihan internet dalam kalangan masyarakat khususnya golongan remaja merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada gejala buli siber. Lebih membimbangkan, gejala ini semakin meningkat dan berevolusi dalam pelbagai bentuk sehingga mengundang amaran daripada pihak berkuasa.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia (CSM), Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab, masyarakat perlu lebih peka dan bersedia dengan ancaman buli siber yang semakin serius kerana ia lebih berbahaya berbanding pembulian yang dilakukan secara fizikal. Ini kerana gejala buli siber ini boleh dilakukan oleh sesiapa saja tanpa kawalan kerana melibatkan medium siber. Identiti pembuli juga ada kalanya sukar dikenal pasti kerana internet menyediakan tetapan 'ketanpanamaan' (*anonymity*). Selain itu, akses terhadap kandungan buli tersebut juga akan sentiasa berulang kerana bahan tersebut akan kekal di medium siber selagi tidak dipadamkan oleh pembuli. Hal ini menyebabkan sebahagian mangsa buli menghadapi tekanan dan dalam sesetengah kes menimbulkan keinginan mangsa untuk membunuh diri (Ilah & Feride, 2018).

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia pada tahun 2017 telah menjalankan kajian ke atas 1382 belia berumur 15 hingga 30 tahun terdiri dari 6 zon berbeza iaitu Zon Utara, Zon Timur, Zon Tengah, Zon Selatan, Sabah dan Sarawak. Kajian ini dilakukan bagi menganalisis fenomena buli siber dalam kalangan belia di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti daripada golongan belia pernah terlibat sebagai mangsa buli siber iaitu sebanyak 62.3% daripada responden dengan 1.21% daripadanya pula menghadapi tekanan perasaan sehingga cuba membunuh diri. Kajian oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNESCO) pada tahun 2015 pula mengenai kes-kes buli siber di 25 negara mendedahkan bahawa Malaysia berada di tempat ke-4 dengan 33% daripada 7,600 kanak-kanak dan remaja mempunyai pengalaman buli siber (Siti Zarinah, 2018).

Penyalahgunaan gajet seperti telefon pintar dan komputer bertujuan membuli mangsa di alam siber kini dilihat semakin meningkat dan berkembang dalam pelbagai bentuk. Gejala buli siber yang semakin berleluasa pada masa kini adalah menerusi penuliran (*viral*) video dan gambar atau lebih dikenali sebagai troll di media sosial seperti Facebook, Whatsapp, Instagram, Twitter dan sebagainya (Ansong et al., 2013). Pengguna media sosial kebiasaannya akan menggunakan bahagian komentar untuk berkongsi gambar atau membuat sesuatu hantaran (*posting*) yang boleh mengaibkan maruah mangsa kerana ia merupakan ruangan yang paling terdedah dan mudah diakses (Griffiths, 2014). Meskipun kebanyakannya dilakukan atas dasar gurauan dan sekadar hiburan, namun kebanyakan daripada kita sering terlepas pandang kesan serius yang ditanggung mangsa seperti menyebabkan rasa rendah diri, risiko mengalami masalah mental, kemurungan dan lebih berbahaya sehingga menimbulkan keinginan untuk membunuh diri.

Oleh itu, Islam telah menetapkan beberapa ancaman terhadap pelaku perbuatan *al-sukhriyyah* atau persendaan, memandangkan kesan negatif yang boleh berlaku dalam masyarakat. Pihak kerajaan juga telah menguatkuasakan beberapa perundangan bertujuan mengawal selia penggunaan media sosial seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], Akta Jenayah Komputer 1997 [Akta 563], Akta Hasutan 1948 [Akta 15], Akta Fitnah 1957 [Akta 286] serta Kanun Keseksaan [Akta 574]. Maka, kajian ini bertujuan menganalisis pengamalan *al-sukhriyyah* dalam media sosial masa kini serta kedudukannya menurut perspektif Islam.

## Metodologi

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dalam proses pengumpulan data dan menganalisis data. Penyelidikan kualitatif memfokuskan kepada usaha untuk mendapatkan maklumat bukan numerikal (Cresswell, 2013) yang dapat memberikan keterangan mendalam tentang latar belakang sesuatu perkara. Justeru, kajian ini bersandarkan metod kualitatif melalui kaedah analisis data penulisan untuk merungkai permasalahan yang berkaitan dengan perlakuan gejala *al-sukhriyyah* dalam media sosial masa kini menurut perspektif Islam. Maklumat yang dirujuk dalam kajian ini diperolehi melalui metod induktif dengan menelusuri sumber-sumber primer dan sekunder yang mempunyai kaitan dengan isu kajian ini, dan menyimpulkan data-data yang mengukuhkan serta menerangkan permasalahan dalam isu ini.

Analisis data pula dijalankan dengan menggunakan metod deduktif melalui pemahaman dalil-

dalil syarak dan pendapat-pendapat ulama dan pengeluaran darinya apa yang berkaitan dengan isu kajian ini. Pendekatan ini digunakan untuk menggambarkan permasalahan atau fenomena yang sedang dikaji seterusnya dapatan kajian akan digunakan menuju ke arah pembentukan kesimpulan khusus yang bersesuaian dengan permasalahan yang dikaji. Data-data yang terkumpul selepas induktif dan deduktif ini dirumuskan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian ini, lantas menjelaskan status perlakuan gejala *al-sukhriyyah* dalam media sosial masa kini menurut perspektif Islam.

## Elemen al-Sukhriyyah Dalam Media Sosial

Gurauan ataupun disebut sebagai *al-mazhu* pada umumnya diharuskan menurut Islam dengan syarat mampu menjaga adab dan batasan yang ditetapkan seperti tiada elemen dusta dan keji serta tidak melampaui batas. Ia perlu dilakukan dengan adab yang baik, serta pada tempat dan masa yang bersesuaian (Al-Baghawi, 2008). Gurauan merujuk kepada perbuatan membuat orang lain senang dan gembira dengan tujuan melembutkan hati dan menarik simpati tanpa menyakitkan hatinya (Ibn Mandhur, 2003). Namun apabila ia melibatkan elemen ejekan dan olokan sehingga mengaibkan maruah serta menyakitkan hati seseorang, maka ia dikategorikan sebagai *al-istihza'* atau *al-sukhriyyah* yang dilarang oleh Islam (Al-Zabidi, 2008). Menurut Ibn Mandhur (2003), *al-sukhriyyah* bermaksud olokan, ejekan atau sendaan yang mengundang tertawaan orang mahupun perkataan pedas yang menyakitkan hati. Dalam bahasa Arab, humor juga sering dikaitkan dengan istilah *al-sukhriyyah* yang merupakan gabungan unsur satira (*al-haja'*) dan lawak (*al-du'abah*) (Al-Raghib, 2012).

*Al-Sukhriyyah* berlaku apabila seseorang meniru perkataan atau perbuatan orang lain sama ada secara jelas atau menggunakan isyarat tertentu (al-Maghari, 1993) serta menyebut kekurangan pihak lain dengan tujuan mentertawakan mereka (Quraish, 2003). *Al-Sukhriyyah* juga bererti menghina atau merendahkan orang lain dan perbuatan ini jelas diharamkan oleh Islam. Al-Qardawi (2004) menjelaskan perbuatan memperolokkan dan mempersendakan orang lain adalah dilarang kerana wujudnya unsur kesombongan yang tersembunyi dalam diri pelaku, serta menzahirkan tipu daya dan penghinaan terhadap orang lain. Hal ini kerana ukuran kebaikan di sisi Allah bukan disandarkan kepada penampilan fizikal, pangkat dan kedudukan harta semata-mata bahkan penilaian sebenar adalah berdasarkan tahap keimanan, ketakwaan, keikhlasan dan hubungan baik dengan Allah.

Dalam konteks media sosial masa kini khususnya melibatkan medium siber, perbuatan *al-*

*sukhriyyah* ini lebih dikaitkan dengan budaya *troll*. *Troll* merupakan slanga internet merujuk kepada tindakan seseorang memulakan pertengkaran atau mewujudkan gangguan terhadap orang lain di internet dengan tujuan menarik perhatian pengguna internet terhadap sesuatu isu dan topik sama ada atas dasar hiburan semata-mata atau matlamat tertentu (Madelyn et al., 2017). Perkataan *troll* berasal daripada satu kaedah mengail tunda di mana pengail akan menarik umpan secara perlahan-lahan menggunakan joran untuk memancing perhatian ikan sehingga termakan umpan tersebut (Fragoso, 2015). Dalam konteks siber, perbuatan *troll* ini dapat difahami sebagai tindakan memancing perhatian orang lain untuk terjebak dalam aktiviti perbincangan yang tidak bermanfaat dengan cara memprovokasi, mengejek, menghina dan menghuru-harakan forum dalam talian sama ada dilakukan secara sengaja mahupun tidak sengaja (Mohd Anuar & Nadia, 2019). Isu-isu yang kerap dijadikan umpan oleh *troller* secara umumnya berkisar kepada isu-isu stereotaip, etnik perkauman, agama, politik, sukan dan hiburan (Morissey, 2010).

Tindakan para *troller* ini pada kebiasaannya didorong oleh perasaan bosan dan sekadar mencari keseronokan semata-mata (Ansong et al., 2013). Namun, wujud juga sebahagian mereka yang bermotifkan dendam terhadap individu tertentu seterusnya mengambil pendekatan sekali gus memburukkan, mengaibkan, dan memfitnah mangsa dengan tuduhan atau kandungan mesej palsu untuk menjatuhkan maruahnya (Fragoso, 2015). Sindrom ini lebih dikenali sebagai *Tall Poppy Syndrome* (TPS), merujuk kepada situasi pengguna media sosial akan memberikan komen-komen yang negatif bertujuan menjatuhkan maruah individu tertentu kerana kurang senang dengan pencapaian yang lebih tinggi diperoleh individu tersebut berbanding diri mereka sendiri (Anna Dedi, 2015). Maka, tidak hairanlah apabila sindrom ini turut dikenali sebagai '*the politics of envy*' kerana ia berkaitan dengan psikologi dan tingkah laku manusia yang tidak boleh menerima pencapaian orang lain yang mengatasi dirinya atau tidak senang melihat adanya '*tall poppies*' (O'Neill & Allen, 2014). Sebagai balasannya, individu yang berjaya tersebut akan diperlekehkan dan dibuli dengan kecaman dan komen negatif yang tidak berasas yang mana sebahagian besarnya tiada kaitan langsung dengan kejayaan yang diperoleh (O'Neill & Allen, 2014).

Antara elemen *al-sukhriyyah* lain yang wujud dalam media sosial adalah perbuatan menggodam (*hacking*) akaun media sosial individu lain seperti Facebook sama ada dilakukan secara serius ataupun atas dasar gurauan semata-mata. Penggodaman secara serius biasanya didorong oleh perasaan tidak puas hati terhadap hantaran (*posting*) yang dilakukan oleh

pemilik akaun tersebut. Situasi ini mendorong penggodam untuk memecah masuk akaun tersebut seterusnya membuat hantaran yang menjelekan dan tidak wajar bertujuan mengaibkan pemilik akaun di ruang siber. Namun begitu, terdapat juga sebahagian mereka yang mengambil alih akaun Facebook individu lain terutamanya dalam kalangan kenalan, seterusnya membuat hantaran tertentu dengan tujuan gurauan semata-mata tanpa niat mengaibkan atau menjatuhkan pemilik akaun. Situasi yang kedua ini kebiasaannya terjadi kerana kealpaan pemilik akaun itu sendiri untuk log keluar (*log out*) daripada akaun tersebut sehingga memudahkannya diakses masuk oleh individu lain. Meskipun begitu, kedua-dua situasi yang berlaku ini sebenarnya boleh mengundang kecaman dan olokan daripada pengguna media sosial yang lain seterusnya berpotensi menyebabkan mangsa berhadapan dengan tekanan dan perasaan rendah diri.

## Gejala al-Sukhriyyah Menurut Perspektif Islam

Manusia secara asasnya diciptakan dalam keadaan memerlukan kepada interaksi dengan persekitarannya sebagai suatu fitrah yang telah ditanamkan dalam diri mereka dalam menyempurnakan kehidupan manusia itu sendiri. Interaksi ini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk sama ada perbualan, perkongsian idea mahupun bantuan fizikal. Keserasian ini wujud kerana manusia sebenarnya berasal daripada unsur yang sama sebelum berlakunya pemisahan dalam aspek geografi, politik, kaum dan agama. Pemisahan ini seterusnya membawa kepada kewujudan kepelbagaian interaksi yang berlaku dalam mewarnai lagi hubungan sesama manusia. Kepelbagaian bangsa, budaya, agama dan bahasa merupakan suatu sisi keunikan penciptaan manusia, yang seharusnya dijadikan sebagai asas perhubungan dan interaksi yang harmoni. Allah SWT berfirman:

*“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).”* (al-Hujurat 49:13)

Manusia diciptakan sebagai makhluk sosial

yang unik di mana kewujudan kepelbagaian bentuk interaksi yang berlaku sesama mereka telah mewarnai hubungan yang terbentuk. Interaksi berlaku apabila terjadinya sentuhan (*contact*) secara sosial di mana setiap pihak saling memaparkan reaksi yang boleh difahami sesama mereka walaupun tanpa melalui sentuhan secara fizikal. Hubungan awal yang terbina ini seterusnya akan memandu kepada interaksi yang lebih mendalam berupa komunikasi yang kebiasaannya diasah melalui pergaulan yang terbina sesama mereka. Pengiktirafan Islam terhadap kewujudan kepelbagaian ini disusuli dengan galakan saling berhubung dan berkenalan sesama manusia. Proses perhubungan dua hala ini seharusnya menjadi wadah perkongsian yang positif, menerusi pertukaran dan perkongsian bahasa, budaya, ilmu pengetahuan, teknologi, kemahiran dan pengalaman.

Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin berkembang pesat selaras dengan era Revolusi Industri 4.0 menjadikan segala urusan berada di hujung jari sahaja. Meskipun banyak manfaat yang diperoleh hasil perkembangan ini, namun dalam sudut yang lain aspek privasi dan keselamatan setiap pengguna medium siber turut perlu diberikan perhatian utama (Wahyuni & Ana, 2019). Kecanggihan teknologi seharusnya tidak mengkhakis nilai kemanusiaan setiap pengguna sehingga dijadikan sebagai instrumen memanipulasi dan mencero bohi hak sesama mereka. Bahkan, penggunaan media sosial dan aplikasi atas talian secara beretika mampu menjadikan medium siber sebagai platform baharu yang bermanfaat dalam melaksanakan pelbagai aktiviti dan keperluan semasa. Atas dasar itulah, Islam sangat memandangkan serius sebarang perlakuan yang boleh menjejaskan interaksi dan mencabuli hak sesama manusia seperti *al-sukhriyyah*. Justeru, banyak larangan dan penegasan yang dirakamkan dalam al-Quran al-Sunnah terhadap perbuatan ini bertujuan memelihara hak dan kehormatan manusia sekaligus mewujudkan ekosistem masyarakat yang harmoni dan saling menghormati.

### 1) Pemalsuan Maklumat

Perbuatan *al-sukhriyyah* memerlukan unsur pendustaan sebagai rencah utama yang menjadi tarikannya. Kebanyakan perlakuan ini menjurus ke arah pemalsuan maklumat sehingga bercampur aduk antara yang fakta dan palsu. Ini selaras dengan tujuan asal perlakuan ini iaitu menjatuhkan dan memburukkan individu tertentu. Maka, tidak hairanlah kebanyakan kandungan mesej berunsurkan persendaan lebih bersifat dusta dan fitnah semata-mata. Di sisi Islam, perbuatan mengada-adakan sesuatu yang palsu adalah dilarang sama sekali dan berdosa besar. Bahkan, pelakunya turut diancam dengan hukuman yang berat

di akhirat kelak sebagaimana yang dijelaskan menerusi hadis berikut:

*Daripada Abu Bakar al-Siddiq RA, dia berkata: Berdiri pada kami Rasulullah SAW pada tempat aku berdiri ini pada tahun yang dahulu kemudian Baginda menangis dan bersabda: Takuti olehmu akan berdusta itu, maka bahawasanya orang yang dusta itu serta orang yang berbuat maksiat, keduanya di dalam api neraka (HR Ibn Majah, no. hadis: 3849).*

Justeru, suntikan elemen dusta dalam komunikasi sosial tetap bersalahan dengan etika Islam meskipun sekadar gurauan semata-mata. Rasulullah SAW bersabda:

*Binasalah bagi seorang yang bercerita maka ia berdusta supaya tertawa daripadanya manusia. Binasalah baginya, binasalah baginya (HR Abu Dawud, no. hadis: 4341).*

Peringatan ini selain bertujuan membentuk keperibadian Muslim yang mulia, dalam masa yang sama turut mengelakkan perbuatan dusta ini dinormalisasikan dengan alasan gurau senda. Bahana pendustaan ini bukan sekadar menjatuhkan maruah dan kehormatan individu, bahkan boleh menimbulkan kekacauan dan kekeliruan dalam masyarakat sehingga mencetuskan suasana yang tidak harmoni.

## 2) Perosakan Reputasi

Maruah dan kehormatan merupakan aset berharga yang dianugerahkan Allah kepada setiap manusia. Justeru, Islam sangat menekankan keperluan penjagaan reputasi (*hifz al'ird*) bertujuan memelihara kehormatan setiap manusia daripada sebarang perlakuan yang boleh mencemarakannya. Setiap manusia ditegah daripada mengganggu, memperlekeh, mempersenda serta menjejaskan kehormatan mana-mana individu lain kerana dianggap menyalahi nilai karamah insaniyyah (kemuliaan manusia) sebagai salah satu unsur utama hakikat penciptaan manusia (Jasser, 2013). Aktiviti persendaan yang sering berlaku dalam media sosial sering menasaskan individu berpengaruh (*public figure*) dalam masyarakat bertujuan merosakkan dan menjatuhkan reputasi individu tersebut sehingga tidak lagi dipandang hormat oleh khalayak ramai. Perbuatan ini dilarang sama sekali dalam Islam kerana ia bersangkutan dengan perihal aib dan kehormatan yang seharusnya menjadi sempadan interaksi sosial setiap manusia sebagaimana ditegaskan menerusi firmanNya:

*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum mengolok-olokkan kaum yang lain, kerana boleh jadi mereka yang diperolok-olokkan lebih baik dari mereka yang mengolok-olok, dan jangan pula perempuan-perempuan mengolok-olokkan perempuan lain, kerana boleh jadi perempuan yang diperolok-olokkan lebih baik dari perempuan yang memperolok-olokkan. Janganlah kamu saling mencela antara satu sama lain, dan janganlah saling memanggil dengan gelar-gelar yang buruk. Seburuk-buruk panggilan adalah panggilan yang buruk (fasik) setelah beriman. Dan barangsiapa yang tidak bertaubat, mereka itulah orang-orang yang zalim. (al-Hujurat, 49: 11).*

Meskipun sebahagian pelaku beralasan ia sekadar gurauan senda semata-mata dan tidak perlu ditanggapi secara serius, namun Islam melihatnya dari sudut perspektif yang berbeza. Tegahan ini sebenarnya bertujuan memastikan maruah dan kehormatan manusia kekal menjadi zon larangan (*restricted zone*) daripada sebarang pencerobohan dan perlakuan yang berpotensi mengaibkan dan memalukan diri mereka.

## 3) Penghinaan Peribadi

Allah SWT telah menciptakan manusia sebagai makhluk yang terbaik dan dimuliakan berbanding penciptaan yang lain. Perbezaan struktur fizikal, warna kulit, etnik dan sebagainya tidak menjadikan seseorang lebih mulia kedudukannya berbanding yang lain. Hanya nilai ketakwaan yang menjadi neraca ukuran martabat kemuliaan setiap manusia. Oleh itu, Islam melarang sebarang perlakuan menyakit, menghina, mengaib dan mengata sesama, apatah lagi menggunakan perkataan yang kotor dan keji sebagaimana yang sering berlaku dalam media sosial masa kini. Larangan ini selain bertujuan menjaga keperibadian mulia, juga bagi mencegah permusuhan antara pelaku dan mangsanya. Nabi Muhammad SAW bersabda:

*Perkataan yang jahat dan orang yang menyatakan aib manusia, kedua-duanya cabang dari munafiq (HR al-Tirmidhi, no. hadis: 2017)*

Tindakan mengata, mengeji dan mengaibkan sesama manusia merupakan perlakuan yang berdosa besar dan ditegah sama sekali oleh Islam. Selain mampu merosakkan hubungan persaudaraan sesama mereka, perbuatan ini juga berpotensi menjerumuskan pelakunya dengan penyakit nifak seperti riyak, yang merasakan kedudukan mereka yang mulia sehingga menjadikan mereka cenderung menghina dan

memperolokkan individu lain yang dirasakan kurang setaraf. Perlakuan ini sebenarnya jauh daripada akhlak mulia yang digariskan oleh Islam sebagaimana yang dinyatakan oleh Baginda SAW:

*Seorang Muslim adalah menjadi saudara kepada Muslim yang lain, tidak boleh menganiayanya, mensia-siakannya, dan menghina. Memadailah bagi seorang Muslim mendapat dosa, apabila dia menghina saudaranya yang Muslim (HR Muslim, no. hadis: 4677).*

Perlakuan sebahagian pengguna media sosial yang gemar mendedahkan keaiban dan menjadikan kekurangan pengguna media sosial lain sebagai bahan jenaka dan ejekan sebenarnya menyalahi etika komunikasi yang ditetapkan Islam. Gurauan senda seharusnya tidak disulami unsur pendustaan dan penghinaan sehingga menjadikan nilai maruah dan kehormatan individu lain sebagai modal hiburan tanpa mengira risiko yang bakal dihadapi oleh setiap mangsa.

#### 4) Penyebaran Keburukan

Kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta ledakan media sosial menjadikan interaksi sosial menggunakan platform siber menjadi lebih mudah dan pantas. Namun, penyalahgunaan platform ini menyaksikan peningkatan perlakuan *al-sukhriyyah* ini sama ada secara langsung mahupun menerusi tindakan penyebaran kegiatan tidak bermoral ini oleh individu tidak bertanggungjawab. Tanpa disadari, perlakuan ini sebenarnya menjurus kepada perbuatan mengumpat (*al-ghibah*) dan mengadu domba (*al-namimah*) yang sememangnya dicela oleh Islam sebagaimana yang dijelaskan menerusi ayat berikut:

*Dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Sukakah salah seorang di antara kamu memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang. (al- Hujurat, 49:12)*

Rasullullah SAW seterusnya telah menjelaskan lagi berkaitan perlakuan ini menerusi sabdanya:

*Jangan kamu berdengki-dengkian dan jangan kamu berbenci-bencian dan jangan kamu mengumpat setengah kamu akan setengah kamu, jangan membeli atas belian sebahagian yang lain dan jadikan oleh kamu akan segala hamba Allah itu saudara (HR Muslim, no. hadis: 4650).*

Justeru, individu yang terlibat dalam perlakuan *al-sukhriyyah* ini sama ada sebagai pelaku utama atau penyebar sebenarnya berkait secara langsung dengan ancaman tersebut. Ini sekiranya keaiban dan kandungan penyebaran tersebut bersumberkan maklumat yang benar dan sahih. Ancaman yang lebih berat telah ditetapkan terhadap penyebaran dan perkongsian maklumat palsu yang diada-adakan, meskipun dengan tujuan hiburan dan gurau senda kerana ia berunsurkan fitnah semata-mata. Para penyebar yang bersubahat dengan perlakuan ini turut berkongsi hukuman yang sama seperti para pelaku memandangkan tindakan mereka telah mencetuskan implikasi yang buruk terhadap mangsa. Ini sebagaimana yang dijelaskan menerusi firman Allah SWT tersebut:

*Sesungguhnya orang-orang yang suka agar (berita) perbuatan yang amat keji itu tersiar dalam kalangan orang-orang yang beriman. Bagi mereka azab yang pedih di dunia dan akhirat. (al-Nur, 24: 19)*

Oleh itu, setiap pihak sewajarnya mempunyai kawalan sendiri sewaktu berkomunikasi dalam media sosial tanpa perlu mencerooboh sempadan privasi dan kehormatan pengguna yang lain. Meskipun medium siber dikenali sebagai dunia tanpa sempadan, namun sebagai manusia setiap pengguna tetap perlu menghormati hak dan privasi pengguna media sosial yang lain. Etika komunikasi yang harmoni perlu sentiasa diterapkan tanpa mengira platform interaksi sama ada secara fizikal mahupun maya. Tindakan mengganggu dan mencerooboh sempadan privasi pengguna media sosial yang lain merupakan perbuatan tidak beretika yang perlu dibendung. Setiap pihak perlu mengetahui batasan hak dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan terhadap penggunaan media sosial dan aplikasi atas talian.

#### Kesimpulan

Persoalan akhlak dan etika merupakan elemen utama yang diberikan perhatian oleh Islam selain akidah dan syariat. Atas dasar itulah, pelbagai panduan bersangkutan nilai akhlak dan budi pekerti yang mulia telah digariskan bertujuan mewujudkan hubungan sosial yang harmoni sesama masyarakat. Justeru, gejala *al-sukhriyyah* atau troll yang semakin dibudayakan oleh sebahagian pengguna media sosial dilihat sebagai barah yang berpotensi mencetuskan permusuhan dan pergaduhan, di samping merosakkan hubungan sesama manusia. Maka, setiap anggota masyarakat terutamanya pengguna media sosial perlu menahan diri daripada sebarang perlakuan yang menjurus kepada pencerobohan

hak dan kehormatan individu lain memandangkan aktiviti ini menyalahi etika komunikasi yang digariskan oleh Islam. Perbuatan menyebarkan dan bersekongkol dengan perlakuan al-sukhriyyah ini juga turut ditegah sama sekali meskipun dianggap tidak terlibat secara langsung. Hasrat mewujudkan ekosistem media sosial yang harmoni dan selamat memerlukan komitmen semua pihak bagi memastikan perlakuan tidak bermoral ini mampu dibendung daripada terus menular. Dalam masa yang sama, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi pada masa kini mampu dimanfaatkan dengan pengisian yang positif bagi mencapai keharmonian hidup bermasyarakat.

## Penghargaan

Makalah ini ialah satu daripada hasil penyelidikan bagi Geran Penyelidikan Tanpa Dana KUIIM di bawah projek bertajuk, 'Pengamalan al-Sukhriyyah Dalam Media Sosial Masa Kini: Kajian Kefahaman Dalam Kalangan Belia di Melaka (GPTD/20/F1/19).

## Rujukan

- Al-Baghawi, H. M. (1983). *Syarh al-Sunnah*. Damsyik: Al-Maktab al-Islami
- Al-Kamali, A. Y. (2000). *Maqasid al-Shari'ah fi Daw'i Fiqh al-Muwazanat*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Maraghi, A. (1993). *Tafsir al-Maraghi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qaradawi, Y. (2004). *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qazwini, M. Y. (t.t). *Sunan Ibn Majah*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Raghib, A. (2012). *Mufradat Alfaz al-Qur'an*. Beirut: Maktabah al-'Asriyyah.
- Al-Tirmidhi, M. I. S. (t.t). *Sunan al-Tirmidhi*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Zabidi, M. M. (2008). *Taj al-'Arus min Jawahir al-Qamus*. Kuwait: Tab'ah al-Kuwayt
- Ansong, E. D., Tony, T., Dominic, D., Afum, A. & Winfred, L. (2013). Internet Trolling in Ghana. *International Journal of Emerging Science and Engineering (IJESE)* 2(1): 42-43.
- Che Hasniza, C. N., Mohd Yusri, I. & Fatimah, Y. (2014). *Meneroka Ciri dan Faktor Buli Siber Dalam Kalangan Remaja di Malaysia*. Kuala Nerus: Penerbit UMT.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. London: Sage Publication.
- Fragoso, S. (2015). Huehuehue i'm br": Spam, Trolling and Griefing in Online Games. *Porto Alegre* 22(3): 1-15.
- Griffiths, M. D. (2014). Adolescent Trolling in Online Environment: A Brief Overview. *Education and Health Journal* 32(3): 85-87.
- Ibn Mandhur, M. M. (2003). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ilah, H. A. & Feride, H. A. (2018). Ancaman Buli Siber. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/01/370155/ancaman-buli-siber>.
- Jaser, A. (2013). *al-Ijtihad al-Maqasidi: Min al-Tasawwur al-Usuli ila al-Tanzil al-'Ilmi*. Beirut: al-Shabakah al-'Arabiyyah.
- Madelyn, R. S., Shengnan, Y. & Pnina, F. (2017). Managing Online Trolling: From Deviant to Social and Political Trolls. *Proceedings of the 50th Hawaii International Conference on System Sciences 2017, January, 4-7*.
- Mccosker, A. (2013). Trolling as Provocation: Youtube's Agonistic Publics. *The International Journal of Research Into New Media Technologies* 20(2): 201-217.
- Mohd Anuar, R. & Nadia, S. R. (2019). Analisis Budaya Troll Menurut Perspektif Hukum Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 20(1): 220-238.
- Morrissey, L. (2010). Trolling is a Art: Towards a Schematic Classification of Intention in Internet Trolling. *Griffith Working Papers in Pragmatics and Intercultural Communication* 3(2): 75 - 82.
- Muslim, H. Q. (1991). *Shahih Muslim*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Nabil, Raghieb. (1996). *Mausu'ah al-'Ibda' al-Adabiyyah*. Mesir: al-Syirkah al-Mishriyyah al-'Alamiyyah.
- O'Neill, M., Calder, A., & Allen, B. (2014). Tall Poppies: Bullying Behaviors faced by Australian High-Performance School-age Athletes. *Journal of School Violence*, 13(2): 210--227.
- Quraish, S. (2003). *Tafsir al-Misbah*. Jakarta: Lentera Hati.
- Siti Zarinah, S. (2018). Bahaya Tersembunyi di Internet. *Harian Metro Online*. <https://www.hmetro.com.my/hati/2018/08/364540/bahaya-tersembunyi-di-internet>.
- Sulaiman, A. S. (t.t). *Sunan Abi Daud*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
- Wahyuni, C. & Ana, W. (2019). Etika Media Dalam Kultur New Technology. *Jurnal Masyarakat dan Budaya* 21(2): 247-262.